

27/11/1999

Tidak mustahil kuasa luar peralat pembangkang

KIAU tidak terkejut sikit pun dengan dakwaan bahawa ada kedutaan asing di negara kita campur tangan pada pilihan raya umum kali ini. Kiau juga tidak hairan kalau mereka cuba peralat pembangkang.

Ini bukan perkara baru dalam politik dunia dan tidak terhad kepada negara kita saja. Yang susah ialah macam mana kita hendak buktikan campur tangan mereka.

Seperti kita maklum, Kedutaan Amerika Syarikat dan Suruhanjaya Tinggi British, Kanada dan Australia sudah menafikan mereka terbabit membantu parti pembangkang dan badan-badan bukan kerajaan yang bersekongkol dengan pembangkang.

Penafian ini pun tidak memeranjatkan Kiau. Ini amalan biasa dalam perhubungan luar. Walaupun mereka memberi bantuan, sama ada dalam bentuk wang atau dengan cara lain, mereka tidak akan mengaku. Mereka sangat berjaga-jaga supaya rahsia mereka tidak terbongkar.

Dalam istilah politik dan perisikan Amerika ia disebut sebagai deniability, yang mana mereka menjalankan kegiatan khianat dengan cara yang boleh mereka nafi sekiranya perbuatan mereka itu terdedah.

Sebenarnya jarum mereka ini cukup halus dan bisa tidak disedari. Kedutaan mereka tidak akan menghantar wakil untuk menghadiri sesuatu acara, sama ada mereka dijemput atau tidak, tanpa tujuan tertentu.

Mereka mungkin menghantar wakil untuk menyelidik, belajar atau memungut maklumat. Atau mereka menghantar wakil sebagai show atau bukti pendirian mereka mengenai seseorang atau sesuatu perkara.

Kuasa-kuasa besar Barat sejak dulu kala lagi mengamalkan satu kaedah yang dipanggil show of force (membuktikan kekuatan) atau show of support (membuktikan sokongan).

Kita lihat betapa bersungguh-sungguhnya mereka menghantar wakil dan pemerhati ke perbicaraan bekas Timbalan Perdana Menteri bersabit rasuah dan kemudiannya liwat.

Tujuan mereka bukan semata-mata untuk meneliti perjalanan kehakiman kita, tetapi bagi ingatan yang mereka perhatikan apa yang kita buat. Ini cara mereka menunjukkan kuasa.

Ini terbukti kemudiannya apabila bekas penolong gabenor Bank Negara, Datuk Abdul Murad Khalid mendedahkan secara sumpah kegiatan bekas TPM dan konco-konconya membiayai sebuah badan lobi di Amerika Syarikat.

Kalau individu dari negara membangun seperti kita ada duit untuk biaya jentera lobinya di Amerika Syarikat, bayangkan pula kemampuan Amerika biayai kegiatannya di negara-negara membangun.

Mereka mungkin tidak biaya atau bagi sokongan secara langsung kepada mana-mana parti politik di negara kita.

Tetapi bukan rahsia lagi bahawa kedutaan-kedutaan asing di negara kita memberi bantuan kewangan kepada individu dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) tertentu walaupun mereka tahu individu dan NGO itu menentang kerajaan.

Malah sudah menjadi dasar kedutaan-kedutaan asing, khasnya yang mewakili negara kaya, untuk secara sedar menjalin perhubungan dengan parti-parti pembangkang dan orang perseorangan yang antikerajaan sebagai `jaminan' kalau-kalau suatu waktu nanti mereka berkuasa.

Juga bukan rahsia lagi bahawa kerajaan-kerajaan Barat, khususnya Amerika Syarikat, menggunakan badan perisik mereka untuk menggugat atau menjatuhkan pemimpin negara membangun yang tidak mereka sukai.

Kita tentu ingat lagi bagaimana agensi perisikan pusat Amerika, CIA mendalangi rampasan kuasa tentera di Vietnam Selatan yang menyebabkan kematian Presiden Ngo Dinh Diem pada 1963.

CIA juga menjadi dalang rampasan kuasa tentera oleh Jen. Augusto Pinochet Ugarte di Chile pada 1973 yang menyebabkan kematian Presiden Salvador Allende Gossens yang dipilih secara demokratik.

Kedua-dua kerajaan digulingkan kerana gagal memenuhi hasrat Amerika. Diem tidak dapat mengawal kemaraan Viet Kong manakala Allende pula mengamalkan fahaman Marxis.

Jadi tak hairanlah kalau ada percubaan campur tangan dalam pilihan raya kita oleh pihak luar ini dengan menggunakan saluran pembangkang.

Tidak semua negara Barat atau pihak tertentu di sana yang sukakan Dr Mahathir kerana dia menjadi duri dalam daging kepada mereka.

Demi kepentingan politik, pertahanan dan ekonomi mereka, mereka tentulah mahu seseorang yang mengikut telunjuk mereka atau seseorang yang boleh mereka perkotak-katikkan. Orang yang kekuatan dan kelemahannya mereka tahu.

Peras ugut (blackmail) adalah taktik mujarab yang sering digunakan Barat untuk mengawal seseorang pemimpin atau sesebuah negara. Jadi kita kenalah berhati-hati agar tidak jadi tali barut Barat atau benarkan tali barut Barat memerintah kita.

(END)